

PM: Selesai sengketa dalaman pastikan kejayaan BN

UM 1 1 AUG 2003

KUALA LUMPUR 10 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, semua parti komponen Barisan Nasional (BN) perlu menyelesaikan persengketaan dalaman dan antara parti bagi memastikan kejayaan perikatan itu dalam pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, parti-parti komponen harus sentiasa berada dalam keadaan 'sihat' supaya mereka dapat memberikan sokongan terbaik kepada setiap

calon BN pada pilihan raya. "Kesulitan yang dihadapi oleh mana-mana parti komponen, tidak dapat tidak, akan menyebabkan BN secara keseluruhannya menderita (seperti) bila MCA sakit, UMNO akan demam dan BN pula pening kepala.

"Kita perlu berusaha supaya semua parti sihat (dan) sebagai ahli-ahli BN, kita perlu berikan semua sokongan dan penghormatan terhadap calon-calon yang telah dipilih," katanya.

Beliau berkata demikian keti-

ka merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Ke-50 MCA di Wisma MCA, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dan timbalannya, Datuk Chan Kong Choy serta beberapa pemimpin kanan BN termasuk Setiausaha Agung, Tan Sri Mohamed Rahmat.

Perdana Menteri berkata, parti-parti komponen tidak perlu bertikai semata-mata untuk

mendapatkan kerusi dalam pilihan raya akan datang memandangkan keputusan akhir akan dibuat oleh kepimpinan tertinggi BN.

"Dalam perkara ini, BN sendiri akan tentukan di mana calon akan diletakkan. Bila keputusan dibuat, siapa yang dipilih atau parti mana jadi calon tidak timbul lagi kerana kita semua adalah di bawah BN," tegas Perdana Menteri.

■ Lihat muka 4

PM: Selesai sengketa dalaman pastikan kejayaan BN

Menurut Dr. Mahathir, persediaan untuk menghadapi pilihan raya tidak boleh dipesongkan oleh masalah-masalah antara 'adik beradik' seperti yang berlaku kepada MCA dan Gerakan.

"MCA dengan Gerakan ini macam abang dan adik, yang si abang kenalah sayang adik, tetapi yang adik pula janganlah kacau," ujarnya berseloroh sambil disambut oleh ketawa kira-kira 2,800 perwakilan MCA yang hadir.

Turut hadir ialah Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik dan naibnya, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon.

Perdana Menteri berkata, beliau gembira kerana MCA berhasil menyelesaikan masalah dalaman yang dihadapinya sejak dua tahun lalu sebelum RN menghadapi pilihan raya ke-11.

"Saya kagum dengan cara-cara MCA menyelesaikan masalah mereka kerana MCA adalah kom-

ponen yang penting dalam BN (dan) saya gembira ia dapat diselesaikan sebelum pilihan raya.

"Kepada pemimpin lama (MCA), terima kasih kerana sanggup melepaskan jawatan mereka untuk kepentingan parti. Syabas kepada (Datuk Seri Dr. Ling) Liong Sik dan (Datuk Seri Lim) Ah Lek.

"Mengorbankan diri untuk kepentingan kumpulan adalah satu tindakan yang mulia," katanya, merujuk kepada peletakan jawatan Liong Sik dan Ah Lek selaku Presiden dan Timbalan Presiden MCA pada 23 Mei lalu bagi menamatkan pertikaian Team A dan Team B dalam parti itu.

Menurut Dr. Mahathir, komponen BN juga harus meneruskan semangat pengorbanan peribadi untuk kepentingan bersama yang telah diguna pakai oleh perikatan itu sejak penubuhannya.

"Kita bekerjasama kerana kita tahu ini negara kita dan baik atau buruknya negara kita akan ditentukan oleh kita sendiri.

"Kita perlu menerima bahawa kita perlu membuat pengorbanan, tidak semua orang boleh dapat 100 peratus yang dia hendak," katanya.

Perdana Menteri menambah, formula kerjasama BN telah mencapai kejayaan yang besar sehingga pihak pembangkang pun berminat untuk meniru formula yang sama bagi menghadapi pilihan raya.

"Tetapi kerjasama antara mereka (pembangkang) tidak akan bertahan lama, kerana mereka tidak ada keikhlasan.

"Kerjasama mereka hanyalah satu marriage of convenience (gabungan untuk mencapai tujuan peribadi). kahwin tanpa rela... Lepas itu, sikit-sikit dapat SMS.

"Pak Lah (Abdullah) kata itu bukan kahwin pun, itu khalwat," ujar Perdana Menteri, sekali lagi disambut oleh gelak ketawa para hadirin.